

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 SEPTEMBER 2021

AKHBAR : BERITA HARIAN



Pelabur yakin kemampuan Malaysia tangani krisis

Pembentukan kepemimpinan baru pulih pasaran saham, lonjak ringgit

Oleh Hazwan Faisal Mohamad hazwanfaisal@bh.com.my

"Pengukuhan pasaran saham dan mata wang tempatan ketika ini sebahagiannya disumbangkan oleh sentimen positif pelabur yang masih yakin dengan trek rekod cemerlang Malaysia mengatasi krisis," kata ahli ekonomi.

Pasaran saham tempatan meneruskan rentak cemerlangnya apabila penanda aras utama Bursa Malaysia kembali berada di atas 1,600 mata pada

Isnin selepas kemelut politik dalam negara berakhir dengan pelantikan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Perdana Menteri Kesembilan.

Ringgit pula meningkat sejak minggu lalu dengan sentimen positif pelabur antara lain turut dipengaruhi oleh perkembangan politik domestik yang lebih meyakinkan.

Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata Malaysia masih menjadi tarikan utama pelabur asing dan tempatan kerana sudah terbukti berupaya bangkit daripada kemelesetan, malah mencapai tahap lebih tinggi berbanding sebelum krisis.

"Inilah yang menjadi sandaran keyakinan kepada rakyat dan pelabur untuk bersifat positif terhadap pasaran setiap kali Malaysia melalui krisis," katanya kepada BH.

Beliau menjelaskan, sentimen pelabur terjejas sebelum ini berikutan ketidakstabilan politik yang memuncak sehinggalah peletakan jawatan Tan Sri Muhyiddin Yassin meletakkan negara pada masa itu dalam krisis berganda iaitu kesihatan, ekonomi serta politik.

Justeru, katanya, pembentukan kepemimpinan baharu melegakan ramai pihak selepas melalui tempoh ketidakpastian yang berterusan selama beberapa bulan.

"Harapan besar juga diberikan kepada kerajaan baharu untuk memulihkan Malaysia dan bangun semula secepat mungkin dalam tempoh 100 hari seperti yang disasarkan oleh Perdana Menteri dalam ucapan pengumumannya membentuk barisan Kabinet baharu," katanya.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, ber-

kata pasaran modal seperti pasaran saham dan pasaran bon amat mementingkan kestabilan politik kerana ia penting dari sudut penggubalan dan pelaksanaan dasar, terutama berkaitan ekonomi.

"Sekiranya, kestabilan politik dapat dibentuk dan dipastikan, sudah tentu ia memberi keyakinan kepada pelabur bahawa negara mempunyai hala tuju yang jelas, khususnya dalam konteks mengekang penularan wabak COVID-19, program pemvaksinan serta proses untuk membuka ekonomi.

"Seharusnya kestabilan akan menterjemahkan peningkatan harga saham disebabkan dasar yang jelas bakal memberi keuntungan yang tinggi kepada peniaga, termasuk syarikat yang disenaraikan.

"Perkara ini sudah tentu akan meningkatkan penilaian saham yang disenaraikan," katanya.

Harapan besar juga diberikan kepada kerajaan baharu untuk memulihkan Malaysia dan bangun semula secepat mungkin dalam tempoh 100 hari

Aimi Zulhazmi Abdul Rashid,
Penganalisis Ekonomi
UniKL Business School



Sekiranya, kestabilan politik dapat dibentuk dan dipastikan, sudah tentu ia memberi keyakinan kepada pelabur

Mohd Afzanizam Abdul Rashid,
Ketua Ahli Ekonomi
Bank Islam Malaysia Bhd

